

KENYATAAN TAWARAN TENDER



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TENDER PERKHIDMATAN MEREKA BENTUK, MENCETAK, MENGGANTUNG DAN MENURUNKAN *BUNTING, BANNER* DAN PERKHIDMATAN PERCETAKAN-PERCETAKAN LAIN UNTUK KEGUNAAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan beralamat di Negeri Sembilan di bawah kod bidang bekalan / perkhidmatan di bawah bidang, sub-bidang dan pecahan sub-bidang yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Perincian tender adalah seperti berikut :

KOD TENDER	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH, MASA DAN HARGA PEMBELIAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP DAN TEMPAT HANTAR DOKUMEN
JHEAINS (T)/2/2021	Perkhidmatan Mereka bentuk, Mencetak, Menggantungkan dan Menurunkan <i>Bunting, Banner</i> dan Perkhidmatan Lain Untuk Kegunaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	(221601) Mencetak Buku, Majalah, Laporan, Akhbar (221602) Mencetak Fail, Kad Perniagaan dan Kad Ucapan (221603) Mencetak Label, Poster, Pelekat dan <i>Iron On</i> (221604) Mencetak Borang/Kertas Komputer (221610) Menjilid Kulit Keras (221613) Menjilid Kulit Lembut (221615) Reka Bentuk Percetakan (<i>Printing Design</i>)	Tiada	Tarikh Mula: 16 Februari 2021 (Selasa) Tarikh Akhir : 8 Mac 2021 (Isnin) Masa : Isnin-Khamis: 9.00 pg – 12.30 tgh 2.30 ptg – 4.00 ptg Jumaat : 9.00 pg - 11.30 pg 3.00 ptg - 4.00 ptg Harga : RM50.00 (Tunai) Tempat : Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	Tarikh : 8 Mac 2021 (Isnin) Masa : 12.00 tgh hari Tempat : Unit Pembangunan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Aras Bawah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan

3. Semasa **pembelian borang dan dokumen tender** , petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT (tidak dikembalikan)** dokumen-dokumen berikut:
 - 3.1 **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan / Sijil Virtual yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan serta masih sah dan berkuatkuasa;**
 - 3.2 **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera daripada Kementerian Kewangan yang masih sah dan berkuatkuasa;**
 - 3.3 **Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran) atau Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi Syarikat Enterprise lengkap bersama senarai pemilik; dan**
 - 3.4 **Sijil Perakuan Pendaftaran Koperasi / Sijil Pendaftaran Pertubuhan bagi Koperasi / Pertubuhan / Persatuan yang lengkap bersama senarai nama pemilik.**

4. **Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.**

5. Tawaran tender **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
 - 5.1 Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib dengan lengkap seperti yang dinyatakan dalam dokumen dan borang tender;
 - 5.2 Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; dan
 - 5.3 Petender memasukkan dokumen tawaran di peti tender yang salah.